

NAMA: _____

BAHASA MELAYU TAHUN 4

KERTAS PENULISAN (BAHAGIAN B)

Petikan di bawah ini berkaitan dengan Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan. Baca dan fahami petikan, kemudian lengkapkan karangan ulasan dengan betul.

KOTA KINABALU, 9 Ogos – Kerajaan menggalakkan kempen makan buah-buahan tempatan diteruskan pada peringkat sekolah bagi memberikan pendedahan kepada murid-murid di negeri ini tentang buah tempatan.

Penganjuran kempen makan buah-buahan tempatan bukan sahaja dapat mempromosikan buah-buahan itu kepada anak-anak muda, malahan dapat meningkatkan ekonomi petani di negeri ini.

Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan itu dianjurkan bersama-sama Maktab Sabah, FAMA, dan Jabatan Kesihatan Sabah. Antara objektifnya adalah untuk menggalakkan pemakanan buah-buahan tempatan yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

"Sebelum ini, kempen makan buah-buahan tempatan sudah diadakan di beberapa daerah lain termasuk di Tawau. Program ini akan kita teruskan bagi mendidik anak-anak untuk mengenali buah tempatan," kata Encik Azhar Matussin.

Pengetua Sekolah Menengah Maktab Sabah, Datin Nuinda Alias berkata bahawa pihaknya memang menggalakkan murid-muridnya untuk makan buah-buahan tempatan kerana mempunyai khasiat tersendiri.

"Oleh itu, dalam kempen kali ini, kita bukan sahaja bekerjasama dengan FAMA, malahan kita juga membawa Jabatan Kesihatan Negeri Sabah untuk menyampaikan mesej kesihatan," tambah beliau.

Murid-murid dan ibu bapa yang ditemui menyokong penuh kempen ini. Terdapat juga demonstrasi penghasilan produk bersumberkan buah-buah tempatan seperti jem dan jus. Usaha ini diharapkan dapat membuka mata pengunjung bahawa pelbagai produk boleh dihasilkan daripada buah-buahan tempatan.

Petikan berita menerangkan _____.

Buah-buahan tempatan istimewa kerana _____

dan tidak sama dengan _____. Selain itu, buah-buahan

tempatan juga _____. Disamping itu,

buah-buahan tempatan _____ seperti jem dan jus.

Akhir sekali, buah-buahan tempatan _____ dan

_____.

Kesimpulannya, kita perlu _____ yang

mempunyai keistimewaan untuk _____.